# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 19 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7. | TINGKAT USAHA KAWAL PERAIRAN NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN -20<br>SABAH CAN PRODUCE ENOUGH FOOD FOR WHOLE COUNTRY, BUSINESS, BORNEO POST(KK) -A1<br>KERAJAAN JAMIN HARGA BENIH PADI TAK NAIK, NASIONAL, BERITA HARIAN -16<br>SASAR 1,200 USAHAWAN AGROPRENUER MUDA, NASIONAL, SINAR HARIAN -15<br>MOA TARGETS 1,200 YOUNG AGROPRENUER ENTREPRENEURS BY 2020, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -2<br>1,200 AGPROPRENUERS TO BE TRAINED NEXT YEAR, NATION, DAILY EXPRESS(KK) - 5<br>LAWATAN JELAJAH AGROPRENEUR MUDA KE JON GRAPEVINES DAN FIGS GARDEN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 8.<br>9. | VAKSIN KUCING ELAK DIJANGKITI RABIES, NASIONAL, SINAR HARIAN -9<br>TINGKAT KAWALAN SEMPADAN BERHAMPIRAN THAILAND, NASIONAL, SINAR HARIAN -9 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br>15. | MAQIS RAMPAS PRODUK BABI DARI LOJI TIDAK SAH, NASIONAL, SINAR HARIAN - 10<br>RM410,000 WORTH OF US PORK PRODUCTS SEIZED, NEWS, GUANG MING DAILY - A4<br>MAQIS RAMPAS 1.4 TAN PRODUK PERTANIAN, SINAR NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN -36<br>10 KONTENA DAGING KERBAU DIRAMPAS, SINAR NEGERI P.PINANG/PERLIS, SINAR HARIAN -33<br>RAMPAS DAGING BABI DISELUDUP, TENGAH, HARIAN METRO -22<br>MAQIS RAMPAS DAGING KERBAU INDIA RM3.5 JUTA, NASIONAL, BERITA HARIAN - 42 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 16.<br>17. | JOHOR COASTAL WANT TO DIVERSIFY, NEWS, THE STAR MALAYSIA -4<br>FROM FISHING TO TOURISM, NEWS, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -1,3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 18.<br>19.<br><br>20. | 18 BUBU NAGA DIRAMPAS, SINAR NEGERI JOHOR, SINAR HARIAN -35<br>AGROPONIK MUNGKIN DIMASUKKAN DALAM OD1S1, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES(KK)- 2<br>JOM KE HPPNK 2019, NATION/NEWS, NEWS STRAITS TIMES -5 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tingkat usaha kawal perairan negara | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 20 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 48 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,018 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,053 |



# Tingkat usaha kawal perairan negara

**SEMUA** pihak yang berkaitan perlu berganding bahu dalam usaha untuk memastikan hasil laut milik Malaysia tidak terus dibolot oleh rakyat asing. Usaha bagi mengawal pencerobohan tersebut harus ditingkatkan lagi. Lipat gandakan usaha, penguatkuasaan dan aset negara agar tidak berlaku ketirisan. Nilai kerugian negara kira-kira RM5 bilion setahun seperti diberitahu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub akibat pencerobohan nelayan asing adalah satu angka yang besar. Kita tidak mahu hasil laut Malaysia terus-terusan menjadi milik rakyat asing.

***- Pemerhati samudera***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah can produce enough food for whole country | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | Business | Circulation | 18,290 |
| Page No | A1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | Nancy Lai | AdValue | RM 803 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,409 |



# Sabah can produce enough food for whole country

By Nancy Lai

**KOTA BELUD:** Sabah has high potential to produce enough food supply for the whole country.

Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) secretary general Datuk Sallehhuddin Hassan in saying this pointed out that Sabah has vast lands that can be used to produce agricultural products for Peninsular Malaysia.

"Malaysia still imports RM52 billion worth of food products annually and in view of this, Sabah's potential can help ease the pressure to import products," he said, adding that crops that can easily be planted in Sabah, including coconut, corn and grains.

Then there are high export value products like pineapple and durian which Sabah get involved in, he said after visiting Kampung Tambatuon in conjunction with the ministry's 'Jelajah Agropreneur Muda' program on Sunday.

According to Sallehhuddin, the ministry constantly provides support especially in preparation for Sabah and Sarawak to be included as states with potential in agriculture under the 12th Malaysia Plan.

"Kampung Tambatuon also has the potential in developing eco-concept agriculture and agro-tourism. Among the potential that we can develop here is the production of organic 'padi keladi' and the ministry will try to introduce this type of rice as a premium product," he said.

The ministry, he added can also help to improve tourism facilities in Kampung Tambatuon and if suitable, we can include this village under the 'My Kampung My Future' which will involve various departments and agency under MOA.

During the two-day program which started on Nov 17, the ministry's delegation visited a few locations including Tuaran, Kota Belud, Ranau, Tamparuli and Petagas.



Sallehhuddin (left) with villagers after inspecting the paddy fields in Kampung Tambatuon.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Kerajaan jamin harga benih padi tak naik

**Harga** benih padi di pasaran tidak akan meningkat sekiranya Malaysia menandatangani Konvensyen Kesatuan Antarabangsa Bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu (UPOV) 1991.

Memberi jaminan itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata benih padi adalah antara produk dikawal kerajaan bagi mengelak kesan negatif dalam kalangan petani dan industri.

Sehubungan itu, kerajaan menolak kemungkinan harga benih padi di pasaran bakal meningkat selepas Malaysia menerima UPOV 1991 seperti yang diuar-uarkan segelintir pihak.

"Buat masa sekarang, kerajaan masih dalam sesi rundingan untuk UPOV 1991, kita rancak lakukan libat urus dengan persatuan petani dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sejak bulan lalu.

"Sesi ini akan diteruskan kerana kita belum buat ketetapan sama ada menandatangani UPOV 1991 atau sebaliknya (selepas membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) bagi meminda Akta Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 2004)," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

## Kerugian lebih RM300 juta

MACAU SCAM

KUALA LUMPUR - Seramai 700 individu dituduh di mahkamah berkaitan kesalahan Macau Scam sejak 2015 sehingga September lalu, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman.

Beliau berkata, dalam tempoh berkenaan, sebanyak 6,096 kertas siasatan dibuka dengan kerugian direkodkan berjumlah RM303.2 juta.

"Pelbagai usaha dijalankan PDRM (Polis Diraja Malaysia) termasuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan," katanya pada sesi Kamar Khas di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan **Khoo Poay Tiong (DAP-Kota Melaka)** yang ingin tahu langkah kementerian menangani masalah penipuan Macau Scam di Malaysia.

Mohd Azis berkata, PDRM juga membangunkan satu portal yang memudahkan masyarakat menyemak nombor telefon dan akaun bank yang digunakan sindiket melalui http://ccid.rmp.gov.my/semakmule.

Selain itu, katanya, Facebook 'Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police' juga diwujudkan bagi memberi amaran kepada masyarakat dan mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Menurutnya, pada Mac lalu, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan dalam talian.

*- Bernama*

Sila layari sinarharian.com.my

# Sasar 1,200 usahawan agroprenuer muda

***Sebanyak RM20 juta diperuntukkan di bawah GAM***

KOTA BELUD

Kementerian Pertanian dan Industri Asas (MOA) menyasarkan seramai 1,200 usahawan di bawah program agroprenuer muda berjaya dilatih pada tahun depan.

Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, sebanyak RM20 juta diperuntukkan di bawah Geran Agropreneur Muda (GAM) iaitu bantuan berbentuk barangan bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan agroprenuer.

"Bagi mencapai hasrat tersebut, MOA menjalankan jelajah ke seluruh Malaysia bagi melihat usahawan yang berpotensi untuk dikembangkan potensi masing-masing," katanya kepada pemberita sempena program Jelajah Agroprenuer Muda di Sabah di Kampung Tambotouan di sini kelmarin.



Mohd Sallehuddin

Mohd Sallehuddin berkata, program agroprenuer muda itu melibatkan bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, agropelancongan dan pemasaran yang boleh diceburi usahawan berumur antara 18 hingga 40 tahun.

Menurutnya, bagi negeri Sabah, seramai 449 usahawan menyertai progam berkenaan sejak Januari 2016 hingga 30 Oktober lalu dengan jumlah peruntukan berjumlah RM6.1 juta.

Sementara itu, Mohd Sallehuddin berkata, Kampung Tombotoun dilihat berpotensi untuk diletakkan di bawah program Mykampung Myfuture, namun beberapa kemudahan asas perlu ditambahbaik untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke kampung itu yang berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu.

Kampung berkenaan mempunyai kawasan pelancongan yang cantik, malah terletak di tepi Sungai Tombotouan, selain mampu menghasilkan padi berasaskan bahan organik.

*- Bernama*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA targets 1,200 young agropreneur entrepreneurs by 2020 | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 2 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 107 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 623 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,868 |



# 2020ஆம் ஆண்டிற்குள் நாட்டில் 1,200 விவசாய தொழில் முனைவர்கள்

கோத்தா பெலுட், நவ. 19-

வரும் 2020ஆம் ஆண்டிற்குள் விவசாய அமைச்சு நாட்டில் 1,200 விவசாய தொழில் முனைவர்களை உருவாக்கும் என்று அமைச்சின் தலைமைச் செயலாளர் முகமட் சலேஹூடின் ஹசான் கூறினார்.

இளம் தொழில் முனைவர்களை உருவாக்க அரசாங்கம் 2 கோடி வெள்ளியை ஒதுக்கியுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.



அமைச்சின் இந்த இலக்கை அடைவதற்கு, தமது அமைச்சு நாடு முழுவதும் பயணம் செய்து துடிப்புமிக்க இளம் தொழில் முனைவர்களை அடையாளம் காணும் எனவும் அவர் சொன்னார்.

நேற்று கோத்தா பெலுட், கம்போங் தம்போதுவானில் சபா மாநில அளவிலான இளம் தொழில் முனைவர்களை உருவாக்கும் திட்டத்தில் கலந்து கொண்ட பின்னர் அவர் செய்தியாளர்களிடம் இவ்வாறு சொன்னார்.

காய்கறி பயிரிடுவோர், கால்நடை வளர்ப்போர், மீன் வளர்ப்போர், விவசாயப் பொருட்களை தயாரிப்போர், அவற்றை விற்பனை செய்வோரும் இத்திட்டத்தில் பங்கேற்கலாம் என்ற அவர், அவர்கள் அவசியம் 18 முதல் 40 வரையிலான வயதைக் கொண்டவர்களாக இருத்தல் வேண்டும் என்றார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 1,200 agropreneurs to be trained next year | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 5 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 251 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,333 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,000 |





**Padi planted based on organic system by folks in Kampung Tambotouan has potential to be marketed to a higher level.**

# 1,200 agropreneurs to be trained next year



KOTA BELUD: The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) is targeting 1,200 entrepreneurs to be trained under the young agroprenuer programme next year.

MoA's secretary-general Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (pic) said the government has allocated RM20 million under the young agropreneur grant (GAM) to help increase productivity and income of agroprenuers.

"To achieve this goal, the MOA is touring the country to identify potential entrepreneurs," he told reporters in conjunction with the Sabah Young Agropreneur Tour programme in Kampung Tambotouan here Sunday.

This programme covers agriculture, livestock, fisheries, agro-based industries, agro-tourism and marketing that can be used by entrepreneurs, aged between 18 and 40.

He said for Sabah, 449 entrepreneurs had participated in the programme from Jan 2016 to Oct 30, this year, with an allocation of RM6.1 million.

Meanwhile, Mohd Sallehuddin also noted that Sabah has a big potential to produce food products as it has a large land area for crops cultivation.

Currently, he said the country was still importing about RM52 billion worth of of food products from abroad.

"Therefore, we see Sabah as one of the states that can produce agricultural products to reduce food imports from abroad," he said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lawatan Jelajah Agropreneur Muda ke Jon Grapevines dan Figs Garden | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Lawatan Jelajah Agropreneur Muda ke Jon Grapevines dan Figs Garden

TAMPARULI: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan mengetuai rombongan dari MOA dalam siri lawatan Jelajah Agropreneur Muda ke Jon Grapevines dan Figs Garden di Kampung Bantayan di sini k...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Vaksin kucing elak dijangkiti rabies



Dr Quaza Nizamuddin (tiga dari kiri) melihat kucing yang dipamerkan sempena Hari Rabies Sedunia peringkat kebangsaan di Seremban Prima Mall kelmarin.




Datuk Dr Quaza Nizamuddin (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna.




Dr Quaza Nizamuddin (dua dari kiri) merasmikan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Seremban Prima Mall kelmarin.

SARINAH MAT KASIM

Pemilik kucing di Sarawak digalakkan untuk memberikan vaksin kepada haiwan mereka bagi mengelakkan daripada dijangkiti rabies atau dikenali sebagai penyakit anjing gila.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata selain anjing, kucing juga perlu diberi perhatian bagi memastikan haiwan tersebut tidak dijangkiti.

Katanya, punca utama rabies ialah gigitan anjing, justeru kucing yang tinggal serumah dengan anjing perlu dipantau.

"Di Sarawak kita ada kes di mana kucing juga positif rabies. Kalau di rumah itu ada kucing dan anjing, mungkin kucing itu perlu divaksin kerana ada kes-kes positif terhadap kucing, tetapi bilangan yang divaksin adalah rendah dan kebanyakan yang terima vaksin adalah anjing.

"Anjing merupakan punca utama kepada merebaknya penyakit rabies ini, hampir 95 peratus puncanya datang daripada gigitan anjing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019, di Seremban Prima Mall di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri, Dr Nik Hamidah Nik Husin.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, vaksin merupakan kaedah untuk mencegah dan mengawal penyakit itu dengan meningkatkan imuniti dalam badan anjing.

"Sebab itulah kita mengalakkan pemilik anjing terutama di Sarawak mengambil vaksin yang diberikan secara percuma," katanya.

Menurutnya, sehingga kini penyakit rabies di Sarawak mencatatkan 21 kematian, selepas kes pertama yang dikesan di Kedah pada 1925.

Hari Rabies Sedunia disambut setiap 28 September sebagai satu usaha meningkatkan kesedaran dunia mengenai kepentingan pencegahan penyakit rabies dalam kalangan masyarakat.

Pada tahun ini tema yang dipilih adalah, 'Rabies: Vaksin untuk Eliminasi' dan Negeri Sembilan merupakan tuan rumah sempena sambutan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan.

Pelbagai aktiviti diatur antaranya pertandingan mewarna, pertandingan kucing cantik, pertunjukan anjing Unit K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan serta pameran agensi.

> *"Vaksin merupakan kaedah untuk mencegah dan mengawal rabies dengan meningkatkan imuniti dalam badan anjing. Sebab itulah kita mengalakkan pemilik anjing terutama di Sarawak mengambil vaksin yang diberikan secara percuma."* - Dr Quaza Nizamuddin




Dr Quaza Nizamuddin (tengah) bersama pemenang pertandingan mewarna dan kucing tercantik yang dianjurkan sempena Hari Rabies Sedunia kelmarin.

## *Tingkat kawalan sempadan berhampiran Thailand*

DALAM pada itu, Dr Quaza Nizamuddin berkata dalam strategi pencegahan, pihaknya turut meningkatkan kawalan sempadan berhampiran Thailand di negeri-negeri bahagian utara seperti Perlis, Kelantan, Kedah dan sebahagian Perak.

Katanya, kawalan sempadan itu mampu mengawal penyakit ini daripada merebak ke bahagian Selatan tanah air dan pada tahun ini tiada kes rabies di laporkan di Semenanjung Malaysia.

Pendekatan yang kita ambil di Semenanjung Malaysia adalah melakukan pembentukan kawasan imun, bermakna negeri-negeri yang bersempadan dengan negara berisiko tinggi untuk terkena rabies akan di pantau sepenuhnya.

"Antara aktiviti pencegahan yang dijalankan di kawasan imun termasuklah mewajibkan setiap anjing bertuan untuk mendapatkan imunisasi, mendapatkan lesen anjing dan kawalan populasi anjing terbiar dengan lebih efektif," katanya.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, penyakit rabies dalam haiwan terutamanya anjing boleh dicegah jika semua anjing bertuan diberikan suntikan imunisasi penyakit rabies.

Sejak 2017, sebanyak 140,193 anjing telah menerima vaksin yang mewakili 68 peratus daripada 205,066 keseluruhan anjing di Sarawak, manakala 21,901 anjing terpaksa dimatikan sejak Julai 2018, dengan menggunakan kaedah yang mematuhi kebajikan haiwan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Tingkat kawalan sempadan berhampiran Thailand

DALAM pada itu, Dr Quaza Nizamuddin berkata dalam strategi pencegahan, pihaknya turut meningkatkan kawalan sempadan berhampiran Thailand di negeri-negeri bahagian utara seperti Perlis, Kelantan, Kedah dan sebahagian Perak.

Katanya, kawalan sempadan itu mampu mengawal penyakit ini daripada merebak ke bahagian Selatan tanah air dan pada tahun ini tiada kes rabies di laporkan di Semenanjung Malaysia.

"Pendekatan yang kita ambil di Semenanjung Malaysia adalah melakukan pembentukan kawasan imun, bermakna negeri-negeri yang bersempadan dengan negara berisiko tinggi untuk terkena rabies akan dipantau sepenuhnya.

"Antara aktiviti pencegahan yang dijalankan di kawasan imun termasuklah mewajibkan setiap anjing bertuan untuk mendapatkan imunisasi, mendapatkan lesen anjing dan kawalan populasi anjing terbiar dengan lebih efektif," katanya.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, penyakit rabies dalam haiwan terutamanya anjing boleh dicegah jika semua anjing bertuan diberikan suntikan imunisasi penyakit rabies.

Sejak 2017, sebanyak 140,103 anjing telah menerima vaksin yang mewakili 68 peratus daripada 205,000 keseluruhan anjing di Sarawak, manakala 21,991 anjing terpaksa dimatikan sejak Julai 2018 dengan menggunakan kaedah yang mematuhi kebajikan haiwan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Maqis rampas produk babi dari loji tidak sah

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan mengimport produk babi bernilai RM412,560.63 dalam satu operasi yang dijalankan di Pintu Masuk Pelabuhan Klang Barat di sini pada 6 November lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alamin berkata, dalam operasi kira-kira jam 11 pagi itu, pihaknya merampas produk babi seberat 7,952.51 kilogram yang dikenal pasti dibawa dari loji penyembelihan yang tidak diiktiraf dari Amerika Syarikat ke negara ini.

Beliau berkata, produk babi yang diimport dari loji penyembelihan yang tidak diiktiraf merupakan satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Menurutnya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Hanya produk babi yang diimport dari loji yang sah saja yang dibenarkan masuk ke Malaysia bagi memastikan keselamatan makanan dan industri di dalam negara lebih terjamin.

"Maqis amat teliti dalam menjalankan pemeriksaan bagi memastikan setiap kemasukan dagangan ke dalam Malaysia adalah selamat dan berkualiti selain biosekuriti makanan dikawal dengan ketat," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

FOTO: IHSAN MAQIS SELANGOR



Sebahagian produk babi yang dirampas daripada loji penyembelihan yang tidak diiktiraf negara ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM410,000 worth of US pork products seized | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A4 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 124 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,428 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,284 |



## 來自不受承認宰殺中心

# 41萬元美豬肉產品充公

（沙亚南18日讯）雪州农业部大马检疫及检验服务（MAQIS）局本月6日在巴生西港入境处，破获一批重达7952.51公斤，从美国入口的猪肉产品，总值41万2560令吉。

这批猪肉产品来自一个不被大马兽医局承认的宰杀中心。

该局局长塔米沙阿利敏今日发表文告表示，该局的执法人员于上午11时30分发现这一批猪肉产品。

他说，运载有关猪肉产品货柜的货船来自美国，进口商确实有申报该商品，但执法人员的调查检查发现，有关猪肉产品是来自不被我国认可的屠宰场。

他说，官员接着向总部设于吉隆坡的该批猪肉产品进口商办事处查询，进口商代表对有关屠宰场不被我国兽医局承认一事不知情。

塔米沙指出，进口不被我国兽医局承认的猪肉产品是一项罪名，可在2011年检疫及检验服务法令（第728号法令）第15(1)条文下被对付，一旦罪成可被罚款最多10万令吉、监禁不超过6年或两者兼施。

他因此警告猪肉产品进口商，必须确保进口产品是来自受大马政府承认的屠宰场，以保证本地的食品安全。（LPP）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KELANTAN | 36 |

# Maqis rampas 1.4 tan produk pertanian

**RANTAU PANJANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 1.6 tan produk pertanian, perikanan dan haiwan dari negara jiran menerusi Operasi Pematuhan Import Pertanian di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang dekat sini awal pagi semalam.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, dalam operasi jam 6 pagi itu, pihaknya merampas 1.4 tan produk pertanian merangkumi sayur-sayuran dan buah segar.

"Kita turut merampas 200 kilogram (kg) produk hasilan haiwan seperti karkas ayam, tulang dan daging lembu.

"Kesemua barangan ini dibawa masuk dari negara jiran tanpa mempunyai sebarang dokumen seperti permit import daripada Maqis, sijil kesihatan dan fitosanitari sebagaimana yang telah disyaratkan oleh pihak kerajaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



**Anggota Maqis memeriksa sayur-sayuran yang dibawa masuk di ICQS Rantau Panjang semalam.**

Mohd Azam berkata, seramai 15 anggota penguat kuasa Maqis Kelantan telah melakukan pemeriksaan terhadap lebih 200 kenderaan di ICQS Rantau Panjang dalam operasi berkenaan.

Katanya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah merupakan satu kesalahan di sisi perundangan negara.

"Individu yang melakukan kesalahan itu boleh didakwa mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Selain itu, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG/ PERLIS | 33 |

# 10 kontena daging kerbau dirampas

***Bernilai RM3.5 juta, sijil halal pada bungkusan tidak diiktiraf Jakim***

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BUTTERWORTH

Sebanyak 10 kontena yang membawa daging kerbau sejuk beku dari India dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, kesemua kontena itu ditahan sepanjang tempoh 22 Oktober hingga 14 November lalu kerana cuba membawa masuk bahan mentah itu tanpa mematuhi syarat permit import yang ditetapkan Maqis.

Menurutnya, 10 kontena tersebut mengandungi 13,991 kotak daging kerbau sejuk beku dengan berat anggaran 279,960 kilogram (kg) bernilai RM3.5 juta.

"Hasil pemeriksaan mendapati daging sejuk beku itu juga memaparkan logo halal pada pembungkus (dalam dan luar) berbeza daripada yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Kita telah mengeluarkan kompaun terhadap syarikat tersebut setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya. Selain itu, kita juga memberi peringatan kepada individu tersebut atas kesalahan mengimport tanpa mematuhi syarat import yang sah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, tindakan mengimport daging kerbau tidak mematuhi syarat permit import Maqis merupakan kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

'Ia juga boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2) akta sama dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.



Daging kerbau sejuk beku memaparkan logo halal tidak diiktiraf Jakim dirampas Maqis Pulau Pinang.

> ***"Kita telah mengeluarkan kompaun terhadap syarikat tersebut setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya."***
> *- Zarina*

"Maqis sentiasa mengambil langkah lebih serius bersama agensi penguatkuasaan di sempadan dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara," katanya.

Zarina berkata, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/11/2019 | HARIAN METRO | TENGAH | 22 |

# Rampas daging babi diseludup

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan mengimport produk babi dari loji penyembelihan yang tidak diiktiraf ke negara ini.

Produk yang diimport secara haram dari Amerika Syarikat itu dirampas melalui operasi pada jam 11 pagi, 6 November lalu di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat, di sini.

Pengarah Maqis Selangor Dr Tarmisal Alamin berkata, dalam serbuan berkenaan, pihaknya menyita barangan dagangan itu yang dianggarkan seberat 7,952 kilogram (kg).

"Dalam serbuan yang diketuai Pegawai Penguatkuasa Maqis, kita merampas daging babi yang bernilai keseluruhannya RM412,560.

"Hanya produk babi diimport dari loji yang sah saja dibenarkan masuk ke Malaysia bagi memastikan keselamatan makanan dan industri di dalam negara lebih terjamin," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Maqis sentiasa teliti dalam menjalankan pemeriksaan bagi memastikan setiap kemasukan dagangan ke dalam Malaysia adalah selamat dan berkualiti selain biosekuriti makanan dikawal dengan ketat.



MAQIS berjaya mematahkan cubaan mengimport produk babi dari loji penyembelihan yang tidak diiktiraf pada 6 November lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 42 |

# MAQIS rampas daging kerbau India RM3.5 juta

## Logo halal pada bungkusan bukan daripada JAKIM

Oleh Siti Sofia Md Nasir
dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang, merampas 10 kontena daging kerbau dari India bernilai RM3.5 juta yang cuba dibawa masuk melalui Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, baru-baru ini.

Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Zarina Ramli, berkata semua kontena daging kerbau yang tidak mematuhi syarat permit import itu, cuba dibawa masuk secara berperingkat sejak 22 Oktober sehingga 14 November lalu.

Beliau berkata, semakan pihaknya mendapati logo halal yang digunakan pada pembungkusan dalaman dan luaran produk daging adalah berbeza, malah ia bukan logo daripada institusi yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Hasil pemeriksaan yang dilakukan mendapati terdapat 10 kontena yang dihantar dari dua syarikat berpangkalan di India.

"Jumlah berat dagangan keseluruhan daging kerbau sejuk beku sebanyak 13,991 kotak itu, dianggarkan 279.9 tan dengan nilai RM3.5 juta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jelas beliau, MAQIS Pulau Pinang mengeluarkan kompaun terhadap kedua-dua syarikat itu, selain peringatan atas kesalahan mengimport tanpa mematuhi syarat import yang sah.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.




*Penguat kuasa MAQIS melakukan pemeriksaan di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan di Rantau Panjang, kelmarin.*
(Foto Ihsan MAQIS Kelantan)

Sementara itu di Rantau Panjang, Kelantan, MAQIS merampas 1,400 kilogram (kg) sayur dan buah-buahan serta 200kg daging tanpa dokumen sah di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini, kelmarin.

Pengarah MAQIS Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata dalam operasi pada jam 6 pagi itu, 15 anggotanya memeriksa 200 kenderaan di laluan masuk ICQS, sebelum merampas barangan bernilai RM6,000 yang dibawa masuk dari Thailand, dipercayai untuk pasaran tempatan.

"Semua hasil pertanian ini dirampas kerana tidak mempunyai sebarang dokumen sah, seperti permit import dikeluarkan oleh MAQIS dan sijil fitosanitasi dari negara asal.

"Tindakan mengimport sebarang jenis keluaran pertanian tanpa permit import sah adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Di Shah Alam, Selangor, BERNAMA melaporkan MAQIS Selangor merampas 7,952.51kg produk babi import dianggarkan bernilai RM412,560 dalam satu pemeriksaan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat, dekat sini, pada 6 November lalu.

Pengarahnya, Dr Tarmisal Alimin, berkata rampasan sekitar jam 11.30 pagi oleh sepasukan pegawai penguatkuasa MAQIS itu dikesan diimport dari pusat penyembelihan di Amerika Syarikat (AS), yang tidak diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

"Kapal yang membawa kontena itu memang datang dari AS dan syarikat pengimport produk itu ada mengisytiharkan mengenai barangan dagangan itu, namun pemeriksaan lanjut mendapati barangan itu dikeluarkan oleh loji tidak diiktiraf oleh negara ini.

"Siasatan ke atas wakil syarikat yang berpangkalan di Kuala Lumpur itu mendapati, mereka mengatakan tidak mengetahui yang loji penyembelihan itu tidak diiktiraf oleh jabatan terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Tarmisal, kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) itu, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Johor coastal fishermen want to diversify | | |
| MediaTitle | The Star Malaysia (www.thestar.com.my) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 4 | Readership | 9 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,800 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,400 |

# Johor coastal fishermen want to diversify

GELANG PATAH: Coastal fishermen are hoping the Federal and Johor governments will support their proposal to diversify to improve the fishing sector in south Johor.
Johor South Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz said they had proposed to the Ag...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | From fishing to tourism | | |
| MediaTitle | The Star (Metro South and East) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,900 |
| Page No | 1,3 | Readership | 59,700 |
| Language | English | ArticleSize | 898 cm² |
| Journalist | ZAZALI MUSA | AdValue | RM 12,602 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 37,806 |



# From **fishing** to **tourism**

**Fishermen in south Johor are finding it difficult to get a good catch like before and want to diversify and venture** into the agro-tourism sector. They hope the state government will be receptive and help them by organising courses in this field for them. >3



freepik

Powered by: Isentia

| Headline | From fishing to tourism | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star (Metro South and East) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,900 |
| Page No | 1,3 | Readership | 59,700 |
| Language | English | ArticleSize | 898 cm² |
| Journalist | ZAZALI MUSA | AdValue | RM 12,602 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 37,806 |

# Johor coastal fishermen want to diversify

## They want to venture into agro-tourism sector to supplement income

By ZAZALI MUSA
zazagaborstar@gmail.com



Coastal fishermen in Johor say they need to supplement their income as their catch was dwindling. – Filepic

**GELANG PATAH:** Coastal fishermen are hoping the Federal and Johor governments will support their proposal to diversify to improve the fishing sector in south Johor.

Johor South Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz said they had proposed to the Agriculture and Agro-based Industry Ministry to organise courses for the fishermen to venture into the agro-tourism sector.

He said this would help them to diversify and reduce their dependency on income from selling their catch.

He said coastal fishermen needed to supplement their income as their catch was dwindling due to developments taking place in areas in south Johor in recent years.

"Large scale land reclamation projects along the shoreline have affected our livelihood as the fishing zones for us have shrunk," said Azli, 55.

He said their income had dropped by about 60% in the last five years due to the land reclamation projects.

"The ministry could work with the Marine Department to train and issue licences to our members as helmsmen to cater to anglers," he said, adding that it cost RM1,500 to acquire the licence.

Azli said there was demand from anglers and fishing enthusiasts, including those from Singapore, to hire boats from the fishermen but they did not have the licence to take them out to fish at sea.

There are about 2,500 coastal fishermen in south Johor and their fishing areas within 10 nautical miles cover Tanjung Piai, Iskandar Puteri, Pulai, Johor Baru, Pasir Gudang and Tebrau.

Fisherman Yaacob Mohd Said, 65, said there were plans by the previous state government to develop Pulau Juling near Kong Kong, Masai, as an agro-tourism product with a resort and a seafood restaurant.

"We hope the state government will consider developing the project for our benefit," he said.

Yaacob said more efforts were needed at the federal and state levels to attract younger people to become fishermen.

He said the private sector could play a role by investing in the fisheries industry and modernise it.

> "Large scale land reclamation projects along the shoreline have affected our livelihood as the fishing zones for us have shrunk."
>
> Azli Mohd Aziz

Orang Asli fisherman Komeng Ohkimheng, 50, said he could get about RM600 a day for his catch back in 2010, before the coastal areas were reclaimed for development projects.

"Now I am happy if I can get about RM200.

"Often our catch is just about RM30," he said.

Komeng said the mangrove swamps, a natural breeding ground for mud crabs (ketam bangkang) and mangrove snails (siput sedut) along the coastal areas, had also been cleared and led to a decline in catch.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI JOHOR | 35 |

# 18 bubu naga dirampas

***Ditinggalkan nelayan yang melarikan diri di perairan Sungai Tongkang***

SHAFIQ TINO

BATU PAHAT



Sebanyak 18 bubu naga dirampas dalam operasi di perairan Sungai Tongkang kelmarin.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Batu Pahat merampas 18 bubu naga selepas menahan sebuah bot gentian kaca tidak mempunyai nombor pendaftaran di perairan Sungai Tongkang di sini kelmarin.

Pengarah APMM Zon Batu Pahat, Komander Maritim Mohammad Othman berkata, bot itu ditahan kira-kira jam 6 petang ketika anggota melakukan rondaan.

Menurutnya, sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, pengendali bot terbabit terus melarikan diri ke kawasan perairan cetek dengan meninggalkan bubu naga.

"Kesemua bubu naga itu dirampas kerana penggunaannya menyalahi peraturan di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohammad berkata, penggunaan bubu naga secara haram boleh menjejaskan sumber perikanan kerana sifatnya yang tidak selektif selain turut memerangkap anak-anak ikan komersial.

"Nelayan diingatkan sentiasa mematuhi undang-undang ditetapkan," katanya.

Katanya, bulan ini sahaja, APMM Zon Batu Pahat telah merampas 64 bubu naga yang dipasang secara haram di sekitar perairan daerah berkenaan.

| Headline | Agroponik mungkin dimasukkan dalam ODISI | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 19 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 190 cm² |
| Journalist | Ricardo Unto | AdValue | RM 404 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,211 |



# Agroponik mungkin dimasukkan dalam OD1S1

Ricardo Unto

TEKNOLOGI penanaman agroponik mungkin dimasukkan dalam program Satu Daerah Satu Industri Kecil (OD1S1).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong, mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh adun Pitas, Datuk Bolkiah Ismail, pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah, agar Kementerian itu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Industri untuk lebih membangunkan pertanian agroponik di Sabah.

"Kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI) kerana kami adalah huluan sementara mereka adalah hiliran," katanya.

"Dan saya fikir cadangan itu (memasukkan penanaman agroponik dalam OD1S1) adalah bagus."

Terdahulu, Junz berkata penanaman agroponik adalah usaha berintensifkan modal sementara pasaran masih lagi perlahan kerana harga lebih tinggi berbanding hasil-hasil pertanian konvensional.

"Setakat ini, terdapat hanya 25 usahawan yang terbabit secara aktif dalam pertanian agroponik di Sabah," katanya.

Bagi pengenalan teknologi pertanian agroponik, Jabatan Pertanian telah menyediakan satu infrastruktur dan kemudahan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Putatan dan Mesilou di Kundasang, bermula 2018.

Keutamaan, katanya, diberi kepada golongan belia dan graduan di Sabah.

Bagi sistem akuaponik, terdapat 18 usahawan di Sabah yang mengusahakannya.

Junz juga berkata, antara usaha untuk membantu meningkatkan bilangan usahawan akuaponik ialah memperkenalkan sistem itu kepada pengusaha akuakultur sedia ada.

"Selain itu, satu pameran awam mengenai akuaponik diadakan ketika Program Agropreneur Muda di Lahad Datu di mana kira-kira 250 orang menghadiri pameran itu.

"Pameran seumpamanya juga akan dibuat di daerah-daerah lain," katanya.

Beliau juga berkata Jabatan Pertanian aktif dalam menyediakan latihan dan bengkel kepada pihak-pihak yang berminat.

"Bantuan dari segi peralatan juga disediakan bagi bakal-bakal usahawan."

Tahun ini, katanya, dua usahawan, seorang dari Kota Marudu dan seorang lagi dari Keningau, dibantu melalui program khas kementerian itu.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/11/2019 | NEWS STRAITS TIMES | NATION/NEWS | 5 |

